

Tok Ku Melaka

ulama Terengganu keturunan Nabi Muhammad

ULAMA besar yang berasal dari Terengganu keturunan Nabi Muhammad s.a.w. dalam artikel ini pernah saya perkenalkan dalam majalah *Dakwah* pada Januari 1990 dan diperluaskan lagi dalam *Penyebaran Islam & Salasilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, jilid 3. Tulisan saya itu mendapat perhatian daripada dua pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu Dr. Adel Muhammad Abdulaziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar.

Sebuah kertas kerja bersama mereka telah dibentangkan dalam *Nadwah Ulama Nusantara ke-III* dengan judul *Sayyid Ahmad bin Mohammad al-'Aydarus (Tok Ku Melaka) dan Metode Penulisan Kitab Tanbih al-Ghafilin bi Bayan Shay'in min Fada'il Aali Sayyid al-Mursalin*. Oleh sebab terdapat beberapa maklumat baru yang termaktub dalam kertas kerja tersebut maka perlu diperkenalkan kembali ataupun pembetulan beberapa kekeliruan tulisan saya yang terdahulu. Perlu juga saya sentuh di sini bahawa

Dr. Adel Muhammad Abdulaziz berasal dari Arab, fasih berbahasa Melayu, memperoleh ijazah kedoktoran (Ph.D) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sekarang beliau bertugas sebagai pensyarah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar juga ialah pensyarah KUIM yang masih ada hubungan kewarisan dengan Tok Ku Melaka dan Tok Ku Paloh.

Nama ulama yang diriwayatkan ialah Saiyid Ahmad bin Muhammad al-Aidrus atau digelar dengan nama Tok Ku Melaka. Syeikh Ahmad al-Fathani sempat bertemu dan ada hubungan keilmuan dengan Tok Ku Melaka. Syeikh Ahmad al-Fathani menyebut bahawa Tok Ku Melaka digelar juga dengan nama Tuan Saiyid Embun Tarqanu. Tulisan saya yang terdahulu tidak menyebutkan tahun wafat Tok Ku Melaka tetapi setelah membaca kertas kerja *Nadwah Ulama Nusantara III* dapat diketahui tempat dan tahunnya iaitu wafat di Cabang Tiga, Kuala Terengganu pada 1315 H/1897 M.

Keluarga


Dalam tulisan saya yang terdahulu ada tiga nama dalam salasilah tidak saya tulis. Tiga nama tersebut saya ketahui setelah membandingkan kertas kerja dalam *Nadwah Ulama Nusantara III*. Oleh itu di sini saya perbetulkan iaitu diberi tanda dalam kurung apit [...]. Salasilah selengkapnya ialah Saiyid Ahmad bin Muhammad bin Husein bin Mushthafa bin Syaikh bin [Muhammad] Mushthafa bin Ali Zainal Abidin bin Abdullah bin Syaikh bin Abdullah al-Aidrus al-Akbar [bin Syeikh bin Abdullah] bin Abu Bakar as-Sakran bin Muhammad Abdur Rahman as-Saqaf bin Muhammad Maulana Dawilah bin Ali bin Alwi bin Muhammad al-Faqih al-Muqaddam bin Ali bin Muhammad Shahib Mirbath bin Ali Khali Qasam bin Alwi bin Muhammad bin Alawi bin Saiyid Ubaidillah bin Ahmad al-Muhajir. Dan seterusnya dalam kertas kerja judul di atas disebut hingga sampai kepada Saiyidina Husein (cucu Nabi Muhammad s.a.w.).

Ayah Tok Ku Melaka bernama Saiyid Muhammad digelar dengan Tok Ku Tuan Pahang. Ayahnya bernama Saiyid Husein. Ayahnya bernama Saiyid Mushthafa, bererti moyang kepada Tok Ku Melaka yang diriwayatkan ini mempunyai adik-beradik tiga orang iaitu Saiyid Mushthafa bin Syaikh (moyang Tok Ku Melaka), Saiyid Ahmad bin Syaikh dan Saiyid Zainal Abidin bin Syaikh. Saiyid Ahmad bin Syaikh

mempunyai anak bernama Saiyid Muhammad yang digelar dengan nama Tok Ku Makam Lama. Kuburnya di Cabang Tiga, Kuala Terengganu (tarikh 1209 H/1794 M). Saiyid Zainal Abidin bin Syaikh mempunyai anak bernama Saiyid Muhammad yang digelar dengan Tok Ku Tuan Besar. Tok Ku Makam Lama dan Tok Ku Tuan Besar bererti datuk saudara kepada Tok Ku Melaka. Saiyid Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) memperoleh predikat sebagai ulama adalah berkat belajar kepada Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas. Tok Ku Tuan Besar adalah sebagai Ketua Ulama dan Orang-Orang Arab di Terengganu. Anak beliau yang terkenal menjadi ulama ialah Saiyid Abdur Rahman yang lebih dikenal dengan gelar Tok Ku Paloh (lahir 1233 H/1818 M, wafat Zulhijjah 1335 H/September 1917 M). Bererti beliau ini masih ada pertalian kekeluargaan dekat dengan Tok Ku Melaka. Tok Ku Paloh pula kahwin dengan anak Tok Ku Melaka yang bernama Tuan Nik.

Pendidikan

Di atas telah disinggung bahawa Saiyid Muhammad (Tok Ku Tuan Besar) adalah murid kepada Syeikh 'Abdul Qadir Bukit Bayas. Demikian juga akan halnya Tok Ku Melaka ini adalah bersama-sama dengan datuk saudaranya itu belajar kepada ulama yang berhijrah dari Patani di Terengganu itu. Sebelum beliau memperdalam ilmu kepada Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas, Tok Ku Melaka telah belajar kepada ayahnya sendiri, Saiyid Muhammad al-Aidrus, yang diriwayatkan juga seo-



Kitab *Hidayatul Ikhwan* karangan Tok Ku Melaka.



VAN MOHD. SHAGHIR (kanan) bersama sebahagian peserta pada seminar Saiyyid Abdullah Al-Maghribi di Putrajaya baru-baru ini.

rang ulama. Tok Ku Melaka ialah seorang yang sangat rajin dan teliti mencari ilmu pengetahuan Islam dan beliau telah mengembara mencari ilmu. Apatah lagi pada zamannya memang banyak keturunan Saiyyid sebagai pendatang sama ada merupakan pedagang mahupun sebagai seorang ulama penyebar Islam.

Ilmu-ilmu yang bersumber daripada bangsa Saiyyid dipandang lebih mantap jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang diperolehi daripada golongan lainnya. Hal seperti tersebut juga mempengaruhi peribadi Tok Ku Melaka. Ilmu yang beliau peroleh daripada Syeikh Abdul Qadir Bukit Bayas lebih banyak jika dibandingkan dengan ulama-ulama lain.

Penulisan

Dalam tulisan yang terdahulu saya telah senaraikan tujuh judul karya Tok Ku Melaka. Daripada kertas kerja Dr. Adel Muhammad Abdulaziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, terdapat empat judul tambahan. Jadi semuanya 11 judul. Senarai karya Tok Ku Melaka yang terkini adalah sebagai berikut:

1. *Al-Fawaid fis Shalati wa 'Awa'id wa Fat-hul Malikil Majid* diselesaikan pada 20 Safar 1265 H/1848 M. Tok Ku Melaka telah menyerahkan karangannya itu kepada Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani untuk disemak. Setelah Syeikh Ahmad al-Fathani bergiat mentashih kitab-kitab di Makkah lalu Syeikh Nik Mat Kecik al-Fathani menyerahkannya pula kepada Syeikh Ahmad al-Fathani. Kitab ini pernah dicetak beberapa kali oleh

Mathba'ah al-Miriyah, Makkah atas usaha Syeikh Ahmad al-Fathani.

2. *Hidayatul 'Awam fi Bayan Hukmi Syarbid Dukhan*. Lebih 10 tahun saya mencari naskhah ini. Akhirnya diperolehi juga. Menurut pengarangnya, Tok Ku Melaka, kitab ini beliau selesaikan di Melaka pada hari Selasa ... (naskhah rosak, pen:) bulan Rabiulawal 1293 H/1876M. Manuskrip yang dibicarakan ini merupakan salinan oleh Muhammad Alim Barus. Selesai menyalinnya pada hari Selasa, 20 Zulhijjah 1337 H/16 September 1919 M di Sungai Cincin, Ulu Gombak, Selangor Darul Ehsan.

3. *Terjemahan Muqaddimah Dan Do'a Dalail al-Khairat*, diselesaikan waktu Dhuha, 1256 H/1840 M.

4. *Taghribur Rijal fi Kasbil Halal*. Menurut keterangan Saiyyid Abdur Rahman di Kuala Terengganu (salah seorang keturunan Tok Ku Melaka) bahawa manuskrip kitab ini telah hilang daripada simpanan.

5. *Ta'riful Khullan fi Tajwidil Quran*, cetakan pertama tahun 1333 H/1915 M.

6. *Tanbihul Ikhwan*, kitab ini kemungkinan sama dengan yang pernah diterbitkan yang diberi judul lengkap *Hidayatul Ikhwan fi Azkaris Shalati ma'a Arkan*. Selesai penulisan pada hari Jumaat, 9 Safar 1283 H/1865 M. Pernah dicetak di Mekah dan Mesir. Cetakan *Matba'ah at-Taqaddum al-'Ilmiyah*, Mesir dan cetakan *Matba'ah al-Miriyah, al-Kainah Mekah*, 1311 H/1893 M.

7. *Targib al-Ibadah fi Qiraah Ratib al-Haddad*, masih dalam bentuk manuskrip, disebut oleh Dr. Adel Muhammad Abdulaziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar dalam kertas kerja Nadwah Ulama Nusantara III pada April 2006.

8. *Tanbih al-Ghafilin Bayan Syai-in min Fadha'il Aali Saiyyid al-Mursalin*, masih dalam bentuk manuskrip, disebut oleh Dr. Adel Muhammad Abdulaziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar dalam kertas kerja Nadwah Ulama Nusantara III. Bahkan kitab ini diulas agak lebih panjang oleh kedua-dua pembentang kertas kerja itu jika dibandingkan dengan kitab-kitab lain.

9. *Mujarrabat al-Fawaid*, masih dalam bentuk manuskrip, disebut oleh Dr. Adel Muhammad Abdulaziz dan Syed Ahmad Tarmizi Sved Omar dalam kertas kerja

Nadwah Ulama Nusantara III. Walau bagaimanapun, pada pandangan saya ia kemungkinan sama dengan kitab No. 1.

10. *Fauz as-Sa'adah*, disebut oleh Dr. Adel Muhammad Abdulaziz dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar dalam kertas kerja Nadwah Ulama Nusantara III.

11. *Kumpulan Wirid Dan Do'a*, diselesaikan pada 28 Safar 1295H/1878M.

Keturunan

Berdasarkan satu salasilah yang saya peroleh daripada salah seorang keturunan beliau di Kuala Terengganu, Tok Ku Melaka pernah tiga kali kahwin. Nama-nama isterinya ialah Saiyidah (Encik Sidah), Tuan Nik dan Tuan Batu. Nama anak-anaknya pula adalah sebagai yang berikut:

1. Saiyyid Hasan gelaran Tuan San. Anaknya bernama Saiyyid Hasan gelaran-nya Tuan Sulung.

2. Saiyyid Umar gelaran Tuan Mutil. Beliau ini memperoleh lima anak iaitu Saiyyid Muhammad gelarannya Tuan Dalam Engku Wok; Saiyyid Abdullah gelarannya Tuan Cilin; Syarifah Sakinah gelarannya Tuan Kuning; Tuan Cik Cuking; dan Tuan Su Naflullah.

3. Saiyyid Abdullah gelaran Tuan Dolah. Beliau memperoleh tiga anak iaitu Syaikhah Tuan Dayang, Tuan Mutil dan Tuan Kuntum.

4. Syarifah Maryam gelaran Tuan Ngyang. Beliau dikumiakan lima anak iaitu Saiyyid Ahmad Tuan Nanum; Saiyyid Muhammad Tuan Mutil; Tuan Sambul; Tuan Mukhtar; dan Saiyyid Abdur Rahman.

5. Saiyyid Muhammad gelaran Tuan Kicut. Beliau ini memperoleh tiga anak iaitu Tuan Timun, Tuan Sifat dan Tuan Nat.

Beberapa nama yang saya sebutkan di atas adalah berdasarkan salasilah berupa salinan yang ada pada saya. Walau bagaimanapun, pemindahan daripada tulisan Melayu/Jawi ke huruf Latin/Rumi mungkin ada yang keliru kerana beberapa nama tulisannya tidak jelas. Oleh itu sesiapa di antara kewarisan ini yang lebih mengetahui mohon menghubungi saya supaya dapat diperbetulkan. Sampai di sini berakhir rakaman saya tentang Saiyyid Ahmad bin Saiyyid Muhammad al-Aidrus (Tok Ku Melaka).